

Berita Harian (Kuala Lumpur) 11/1/2021

'Survival Statics' komik panduan penuntut kejuruteraan

Kuantan: Inovasi komik berbahasa Inggeris bertajuk *Survival Statics* dihasilkan sebagai panduan untuk penuntut dalam bidang kejuruteraan yang menyediakan pelbagai formula pengiraan.

Komik dengan cetakan warna sepenuhnya cetusan idea Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Automotif dan Mekanikal **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Dr Luqman Hakim Ahmad Shah bersama 11 individu lain itu mengambil tempoh lima tahun untuk dihasilkan.

Luqman berkata, *Survival Statics* adalah komik berteraskan subjek ilmiah yang diadun dengan penceritaan menarik, sekali gus dapat memahami kaedah pembelajaran bidang kejuruteraan dengan mudah.

Katanya, selain pendidikan di dalam komik itu turut diselitkan elemen jenaka, persahabatan, semangat tolong-menolong dan persefahaman yang perlu ada apabila bersahabat.

"Idea menghasilkan komik ini tercetus apabila saya lihat negara ini tiada komik pendidikan, khususnya dalam bidang kejuruteraan pada peringkat kolej, institut latihan dan universiti.

"Negara kita masih ketinggalan menggunakan kaedah ini (komik) dalam pendidikan, terutama pada peringkat tinggi berbanding Jepun yang jauh ke depan.

"Pengalaman empat tahun belajar di Jepun dijadikan panduan untuk saya menghasilkan *Survival Statics* yang diharap dapat digunakan penuntut dalam bidang kejuruteraan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, belajar menggunakan komik bukan sahaja lebih mudah, malah menyeronokkan dengan paparan cerita ringkas dan padat serta lukisan watak kartun yang menarik.

"Usaha mempromosi komik ini sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Penerbitan UMP," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Muhammad Azli Shukri, berkata pihaknya kini sedang berusaha mempromosikan komik itu bagi memberi peluang lebih ramai penuntut kejuruteraan di negara ini memiliki komik itu yang dianggap menarik dan berpendidikan.

"Komik setebal 75 muka surat ini dijual pada harga RM30 dan di dalamnya juga terdapat nota penerangan tambahan mengenai topik yang disentuh dalam setiap bab serta terdapat Kod QR untuk diimbias yang memberi peluang menonton video penerangan lanjut topik berkenaan supaya lebih mudah difahami," katanya.